

09/01/2002

Pegum Negara timbang tindakan terhadap Pas

KUALA LUMPUR, Selasa - Pejabat Peguam Negara mempertimbangkan tindakan terhadap Pas yang terus mendakwa rompak bersenjata di Sauk, Perak, dua tahun lalu yang mengorbankan dua anggota keselamatan sebagai sandiwara kerajaan.

Peguam Negara, Datuk Abdul Ghani Patail, berkata pihaknya akan mengumumkan tindakan undang-undang terhadap parti itu apabila tiba masanya.

"Akan ada tindakan. Kita akan umumkan nanti," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi lewat petang ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Pejabat Peguam Negara terhadap parti pembangkang itu berikutan kenyataan berterusan pemimpinnya bahawa rompak bersenjata oleh kumpulan Al-Ma'unah adalah sandiwara.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, dilaporkan berkata Pas tidak menganggap pendiriannya sebagai satu kesilapan yang memerlukan ia meminta maaf.

Sebaliknya, Abdul Hadi berkata, Kerajaan Pusat dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lebih wajar meminta maaf.

Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia, Zaiton Othman, turut dilaporkan akhbar hari ini, sebagai berkata Pejabat Peguam Negara boleh mengambil tindakan terhadap Pas kerana menghina mahkamah.

Katanya, pihak berkuasa juga boleh menjalankan siasatan sama ada parti pembangkang itu boleh didakwa mengikut Akta Hasutan berikutan dakwaan berterusan pemimpinnya.

Mahkamah Tinggi di sini bulan lalu menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada ketua kumpulan Al-Ma'unah, Mohd Amin Mohd Razali, serta dua pemimpin kanan, Zahit Muslim dan Jamaludin Darus atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Seramai 16 lagi ahli kumpulan itu, yang didakwa atas tuduhan sama, dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat.

Kes itu dibicarakan selama 128 hari hingga 25 Oktober lalu dengan 61 saksi pendakwa dan seorang saksi pembela memberi keterangan.

Semua 19 anggota Al-Ma'unah itu didapati bersalah melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong di Pos 2, Kilometer 19, Kuala Rui, Jalanraya Timur-Barat, Grik, Hulu Perak, di Batalion 304 Infantri (AW) Kem Grik, Hulu Perak dan di Bukit Jenalek, Kemajuan Tanah Ngor, Sauk, Mukim Cegar Galah, Kuala Kangsar dari Jun hingga Julai 2000.

(END)